

**A Yong Lai Ling (P) lwn Ng Seow Poe dan lain-lain**

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO  
22NCVC-244-05 TAHUN 2014

**B** KAMALUDINMD SAID PK  
8 OGOS 2014

**C** *Prosedur Sivil — Luar aturan — Pembaikan — Sama ada ketidakpatuhan aturan wajib boleh dibaiki — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1A & A 2 k 2*

**D** *Prosedur Sivil — Pembatalan — Penyata tuntutan — Pernyataan tuntutan terlalu panjang dan penuh dengan keterangan — Sukar untuk menentukan apakah kausa tindakan sebenar — Memalukan serta memprejudiskan defendan — Remeh, mengaibkan atau suatu penyalahgunaan proses mahkamah — Tuntutan plaintif tidak dapat dipertahankan — Sama ada patut dibatalkan*

**E** *Prosedur Sivil — Pliding — Penyata tuntutan — Pembatalan — Pernyataan tuntutan terlalu panjang dan penuh dengan keterangan — Sukar untuk menentukan apakah kausa tindakan sebenar — Sama ada memalukan serta memprejudiskan defendan — Sama ada patut dibatalkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 7*

**F** Premis yang menjadi hal perkara dalam tuntutan ini adalah sebidang tanah yang dikongsi milik oleh plaintif dan seorang lagi bernama Dr Pang. Tanah tersebut tidak terbahagi. Defendan pertama dan kedua telah memohon ('dalam lampiran 13') untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan di bawah A 18 k 19(a), (b), (c) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') atas alasan: (i) plaintif secara sendiri sahaja tidak mempunyai hak (*locus standi*) untuk mengambil tindakan ini terhadap defendan pertama dan kedua; (ii) pernyataan tuntutan plaintif adalah 'prolix' dan memplidkan keterangan dan bukan fakta material yang secara ketara melanggar peruntukan A 18 k 7(1) KKM; dan (iii) ia tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan; atau adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Plaintif telah membangkitkan bantahan awal atas alasan defendan-defendan telah hanya mengikrarkan dan memfailkan satu affidavit (lampiran 17) untuk menyokong tiga permohonan, iaitu untuk membantah permohonan *ex parte* plaintif untuk suatu perintah injunksi; untuk mengetepikan permohonan *ex parte* plaintif untuk perintah injunksi (lampiran 14); dan untuk membatalkan pernyataan tuntutan plaintif. Plaintif berhujah bahawa kegunaan satu affidavit untuk menyokong tiga permohonan adalah salah dalam segi prosedur. Juga

**G**

**H**

**I**

dihujahkan bahawa sekiranya defendan pertama dan kedua ingin menggunakan pakai A 32 k 13(1)(b) iaitu niatnya untuk menggunakan affidavit yang sama yang telah difailkan untuk permohonan yang lain, maka pihak defendan pertama dan kedua mesti memfailkan dan menyampaikan notis menggunakan Borang 58.

A

B

**Diputuskan,** membenarkan permohonan defendan pertama dan kedua dengan kos:

- (1) Aturan 32 k 13(1)(a) adalah terpakai dan bukan k (1)(b). Tidak terdapat suatu prosiding terdahulu yang berkaitan dengan lampiran 14 dan affidavit lampiran 17 yang boleh disifatkan telah terikat dengan A 32 k 13(1)(b) KKM yang menghendakki defendan pertama dan kedua memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat demikian dalam Borang 58 (lihat perenggan 21).
- (2) Affidavit di lampiran 17 yang difailkan bersama-sama permohonan lampiran 13 dan 14 pada tarikh yang sama telah dengan jelas menyatakan di dalamnya pernyataan-pernyataan dan alasan-alasan defendan pertama dan kedua untuk mengetepikan perintah ex parte injunksi dan juga untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif. Mahkamah boleh merujuk kepada affidavit berkenaan bagi mengadili permohonan defendan pertama dan kedua. Maka, bantahan awal plaintif ditolak (lihat perenggan 22 & 24).
- (3) Plaintif dalam plidingnya tidak menyatakan bahawa Dr Pang telah memberi kebenaran atau tindakan ini dibawa bagi pihak beliau supaya tindakan ini boleh dikelaskan sebagai satu tindakan di bawah A 15 k 12 KM. Sekiranya premis tersebut dimiliki bersama oleh dua pemiliknya, maka pemilik-pemilik tersebut hendaklah menjadi plaintif-plaintif dalam tuntutan yang dikemukakan. Mahkamah tidak boleh membuat spekulasi sama ada Dr Pang bersetuju dengan tuntutan yang dikemukakan terhadap defendan pertama dan kedua. Maka, plaintif tidak mempunyai locus standi secara berseorangan untuk mengemukakan tindakan ini disebabkan kepentingan dalam premis berkenaan tidak dipecah bahagi dan dimiliki bersama oleh Dr Pang (lihat perenggan 42–44).
- (4) Agak sukar untuk menentukan apakah kausa tindakan sebenar yang dibawa oleh plaintif terhadap defendan-defendan dan pliding plaintif yang panjang lebar tersebut telah memalukan serta memprejudiskan defendan pertama dan kedua. Di bawah A 18 k 7 KKM hanya fakta material secara ringkas hendaklah diplidkan. Peruntukkan di bawah A 18 k 7 KKM adalah mandatori yang mana kegagalan mematuhi akan menyebabkan tuntutan plaintif boleh dibatalkan (lihat perenggan 54, 56–57).

C

D

E

F

G

H

I

- A (5) Apabila suatu aturan wajib dipatuhi telah tidak dipatuhi maka ianya tidak boleh dibaiki di bawah A 1A atau A 2 k 2 KKM (lihat perenggan 60).
- B (6) Pernyataan tuntutan plaintif adalah remeh, mengaibkan atau adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Secara keseluruhannya daripada pliding plaintif-plaintif yang difailkan ini jelas bahawa tuntutan Plaintif-plaintif tidak dapat dipertahankan 'obviously unsustainable' (lihat perenggan 68–69).

C **[English summary]**

- D The premise that formed the matter in this claim was a piece of land which was a shared ownership between the plaintiff and one Dr Pang. The land was not divided. The first and second defendants had applied for (in encl 13) to strike out the writ of summons and the statement of claim under O 18 r 19(a), (b), (c) and/or (d) of the Rules of Court 2012 ('the ROC') on the grounds that the plaintiff by herself did not possess any locus standing to file this action against the first and second defendants; the plaintiff's statement of claim was a prolix and had pleaded evidence and not material facts which was clearly in breach of the provisions of O 18 r 7(1) of the ROC; and it did not disclose a reasonable cause of action, was embarrassing, frivolous and vexatious; or was an abuse of court process. The plaintiff raised a preliminary objection on the ground that he defendants had sworn and filed an affidavit ('encl 17') to support three applications, namely to object the plaintiff's ex parte application on an injunction order; to set aside the plaintiff's ex parte application on the injunction order (encl 14); and to strike out the plaintiff's statement of claim. The plaintiff argued that one of the usage of an affidavit to support the three applications were wrong procedurally. It was also argued that if the first and second defendants wanted to apply O 32 r 13(1)(b) to use the same affidavit filed in other applications, the first and second defendants must file and serve the notice using Form 58.
- E
- F
- G

**Held**, allowing the first and second defendants' application with costs:

- H (1) Order 32 r 13(1)(a) was applicable and not r (1)(b). There was no earlier proceeding in relation to encl 14 and affidavit of encl 17 which could be deemed to have been bound by O 32 r 13(1)(b) of the ROC which required the first and second defendants to give notice of its intention to do so in Form 58 (see para 21).
- I (2) The affidavit in encl 17 filed together with the applications for encls 13 and 14 on the same date clearly contained in them the statements and grounds of the first and second defendants to set aside the ex parte injunction order and to strike out the plaintiff's summons and statement. The court could refer the said affidavit to adjudicate the first and second

defendant's application. Hence, the plaintiff's preliminary objection was dismissed (see paras 22 & 24).

A

- (3) The plaintiff in her pleading did not state that Dr Pang had approved or that this matter was brought on his behalf in order for it to be categorised as one under O 15 r 12 of the ROC. If the premises was co-owned by two owners, the owners must be the plaintiffs in claim adduced. The court could speculate whether Dr Pang had agreed with the claim brought against the first and second defendants. Hence, the plaintiff did not have any locus standi on her own to bring forth this action due to the fact that the interest in the said premise was not subdivided and was co-owned by Dr Pang. (see paras 42 & 44).

B

C

- (4) It was difficult to determine what was the real cause of action brought by the plaintiff against the defendants and the plaintiff's lengthy pleadings had embarrassed and prejudiced the first and second defendants. Under O 18 r 7 of the ROC, only a summarised material facts could be pleaded. The provision under O 18 r 7 of the ROC was mandatory in which failure to comply it would cause the plaintiff's claim to be struck out (see paras 54, 56–57).

D

- (5) When a compulsory order must be complied with, it could not be cured under O 1A or O 2 r 2 of the ROC (see para 60).

E

- (6) The plaintiff's statement of claim was frivolous, vexatious and was an abuse of court process. As a whole, based on the pleadings filed by the plaintiff, it was clear that the plaintiff's claim was not sustainable (see paras 68–69). ]

F

### Nota-nota

Untuk kes mengenai pernyataan tuntutan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perengan 1966.

Untuk kes-kes mengenai pernyataan tuntutan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perengan 6881–6929.

G

### Kes-kes yang dirujuk

*Balakerisnan all Varathan & Anor v Muniandy all Varathan & Anor* [2005] 5 MLJ 380, MT (dirujuk)

H

*Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, MA (dirujuk)

*Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah Bin Mohd Noor and another appeal* [2009] 4 MLJ 149, MP (dirujuk)

I

*Ikatan Kelab-Kelab Melayu Negeri Pulau Pinang (499-Penang) (suing through its President, Dato' Seri Hj Mohd Yusoff Latiff) & Ors v Yayasan Bumiputra Pulau Pinang & Ors and another appeal* [2014] 1 MLJ 27, MP (dirujuk)

*Low Cheng Soon v TA Securities Sdn Bhd* [2003] 1 MLJ 389, MR (dirujuk)

- A *Pengiran Othman Shah bin Pengiran Mohd Yusoff v Karambunai Resorts Sdn Bhd (formerly known as Lipkland (Sabah) Sdn Bhd) & Ors* [1996] 1 MLJ 309, MR (dirujuk)  
*Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong* [1996] 3 MLJ 85, MR (dirujuk)
- B *See Hua Realty Bhd v See Hua News Holding Sdn Bhd & Ors* [2007] 7 MLJ 525, MT (dirujuk)  
*Tong Tai Holdings Sdn Bhd v Jimi ak Mantali & Ors* [2003] 5 MLJ 450, MT (dirujuk)
- C *United Malayan Banking Corp Bhd v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 1 MLJ 561, MR (dirujuk)  
*United Malayan Banking Corporation Berhad v Palm & Vegetable Oils (M) Sdn Bhd* [1983] 1 MLJ 206, MP (dirujuk)  
*Wah Hai Hing; ex p Choong Wai Wah & Anor, Re* [1999] 5 MLJ 651, MT (diikut)

D

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kebankrapan 1967 s 3(1)(i)

- E Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 15 k 12, A 18 k 7, A 18 k 7(1), A 18 k 19(1)(a), (b), (c), (d), A 29(1)(2A)(c), (d), (e), A 32 k 13, A 32 k 13(1)(b), Borang 58

E

*Vickneswary (SL Yong bersamanya) (Yong & Co) bagi pihak plaintif.*

*Justin Voon (Kho Zhen Qi bersamanya) (Justin Voon Chooi & Wing) bagi pihak defendan pertama dan kedua.*

F

*Nor Asnie (Edlin Ghazali & Assoc) bagi pihak defendan ketiga.*

**Kamaludin Md Said PK:**

LAMPIRAN 13 DAN 14

G

[1] Kandungan 13 merupakan permohonan defendan pertama dan kedua untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 9 Mei 2014 di bawah A 18 k 19(a) dan/atau (b) dan/atau (c) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

H

[2] Kandungan 14 merupakan permohonan defendan pertama dan kedua untuk membatalkan perintah ex parte injunksi yang telah diperolehi oleh plaintif pada 9 Mei 2014.

I

[3] Alasan-alasan permohonan adalah seperti dinyatakan dalam affidavit Ng Seow Poe, defendan pertama yang di ikrarkan pada 20 Mei 2014 (lampiran 17) seperti berikut:

- (a) plaintif seorang sahaja tidak mempunyai hak untuk mengambil

tindakan (*no locus standi*);

- (b) pernyataan tuntutan plaintif adalah 'prolix' dan memplidkan keterangan dan bukan fakta material yang secara ketara melanggar peruntukan undang-undang yang asas sebagaimana diperuntukkan di bawah A 18 k 7(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan
- (c) ia tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan; atau adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[4] Dokumen-dokumen yang difailkan di mahkamah adalah seperti berikut:

- (a) writ bertarikh 9 Mei 2014 (lampiran 1);
- (b) pernyataan tuntutan bertarikh 9 Mei 2014 (lampiran 2);
- (c) writ terpinda dan pernyataan terpinda bertarikh 5 Jun 2014 (lampiran 22 dan lampiran 29 masing-masing);
- (d) notis permohonan defendan pertama dan kedua bertarikh 20 Mei 2014 (lampiran 13);
- (e) affidavit Ng Seow Poe, defendan pertama yang diikrarkan pada 20 Mei 2014 (lampiran 17);
- (f) affidavit jawapan oleh plaintif, Yong Lai Ling yang diikrarkan 5 Jun 2014 (lampiran 21);
- (g) affidavit jawapan Ng Seow Poe yang diikrarkan pada 19 Jun 2014 (lampiran 28);
- (h) affidavit plaintif yang diikrarkan oleh Yong Lai Ling pada 26 Jun 2014 (lampiran 30); dan
- (i) affidavit defendan pertama yang diikrarkan pada 3 Julai 2014 (lampiran 31).

#### BANTAHAN PLAINTIF

[5] Plaintif membantah tindakan defendan yang hanya mengikrarkan dan memfailkan satu affidavit pada 20 Mei 2014 (lampiran 13) untuk menyokong tiga permohonan, khususnya:

- (a) untuk membantah permohonan ex parte plaintif untuk suatu perintah injunksi;
- (b) untuk mengetepikan permohonan ex parte plaintif untuk perintah injunksi;
- (c) untuk membatalkan pernyataan tuntutan plaintif.

- A** [6] Plaintif mendakwa bahawa affidavit tersebut iaitu lampiran 17 hanya boleh digunakan untuk menyokong satu permohonan sahaja dan dengan itu lampiran 17 tidak boleh digunakan untuk menyokong permohonan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif dalam lampiran 13.
- B** [7] Adalah hujahan plaintif bahawa kegunaan satu affidavit untuk menyokong tiga permohonan adalah salah dalam segi prosedur dan undang-undang dan tidak harus dibenarkan.
- C** [8] Plaintif berhujah bahawa affidavit Ng (lampiran 17) yang diikrarkan pada 20 Mei 2014 jelas mengatakan bahawa affidavit tersebut (lampiran 17) adalah untuk menjawab kepada permohonan ex parte plaintif untuk perintah injunksi dan di mana perkara mengenai permohonan ex parte injunksi plaintif telah didengar dan diselesaikan pada 29 Jun 2014.
- D** [9] Aturan 32 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah jelas mengatakan bahawa:
- (1) *Mana-mana pihak* —
- E** (a) *yang memfailkan affidavit yang diniatkan digunakan olehnya dalam mana-mana prosiding dalam Kamar; atau*
- (b) *yang berniat untuk menggunakan dalam mana-mana prosiding yang sedemikian mana-mana affidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding yang terdahulu;*
- F** *Hendaklah menyampaikan affidavit kepada tiap-tiap pihak lain atau memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat demikian dalam Borang 58, mengikut mana-mana yang berkenaan. (Penekanan ditambah.)*
- G** [10] Dihujahkan bahawa terdapat dua cabang ('limbs') di bawah A 32 k 13(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, ianya, seperti mana dalam tindakan ini, sekiranya pihak defendan pertama dan kedua ingin mengguna pakai ('invoke') A 32 k 13(1)(b) iaitu niatnya untuk menggunakan affidavit yang sama yang telah difailkan untuk permohonan yang lain, maka pihak defendan pertama dan kedua mesti memfailkan dan menyampaikan notis menggunakan Borang 58 dan menyampaikan kepada pihak peguamcara plaintif, akan tetapi defendan pertama dan kedua telah gagal berbuat demikian. Ini bermakna bahawa affidavit tersebut (lampiran 17) tidak boleh digunakan untuk menyokong permohonan defendan pertama dan kedua.
- H**
- I** [11] Tambahan, adalah hujahan plaintif bahawa defendan pertama dan kedua tidak boleh bergantung kepada A 32 k 13(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membolehkan mereka menggunakan affidavit (lampiran 17) untuk menyokong permohonan mereka.

[12] Oleh itu, plaintif berhujah bahawa defendan-defendan telah tidak mematuhi A 32 k 13(1)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan permohonan lampiran 13 dihujahkan tidak disokong oleh affidavit justeru tidak boleh mengandungi alasan-alasan bagi A 18 k 19(1)(b) atau (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

A

B

#### JAWAPAN DEFENDAN-DEFENDAN

[13] Aturan 32 k 13(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 masih terpakai dalam keadaan kes ini. Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa walaupun memang hanya satu affidavit difailkan pada 20 Mei 2014 tetapi dalam affidavit tersebut disebutkan bahawa deponen juga menggunakan affidavitnya untuk menyokong ketiga-tiga permohonan yang dikemukakan termasuk permohonan di lampiran 13 ini. Lampiran 13 dan permohonan untuk mengetepikan perintah injunksi di lampiran 14 telah difailkan pada hari dan waktu yang sama iaitu pada 20 Mei 2014. Oleh itu defendan pertama dan defendan kedua berpandangan bahawa pemfailan dan penggunaan affidavit tersebut tidak menjejaskan pihak plaintif. Keadaan mungkin berlainan sekiranya permohonan difailkan pada hari yang berbeza maka notis niat untuk menggunakan affidavit tersebut mesti dinyatakan.

C

D

E

[14] Defendan pertama dan defendan kedua juga berhujah bahawa tidak terdapat kesukaran bagi plaintif menjawab affidavit lampiran 17 tersebut yang mana plaintif telah memfailkan jawapan terhadap lampiran 17.

F

[15] Defendan pertama dan defendan kedua juga berhujah bahawa A 32 k 13(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan bahawa mana-mana pihak 'yang memfailkan affidavit yang diniatkan digunakan olehnya dalam mana-mana prosiding dalam Kamar: Hendaklah menyampaikan affidavit kepada tiap-tiap pihak lain ...'.

G

[16] Hujah plaintif bahawa notis niat seperti dalam Borang 58 tidak terpakai memandangkan bahawa cara tersebut cuma terpakai dalam keadaan seperti di A 32 k 13(1)(b) sahaja yang memperuntukkan perkataan 'atau' 'memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat demikian dalam Borang 58'.

H

[17] Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa keadaan dalam kes ini tidak berlaku kerana affidavit lampiran 17 hanya diniatkan untuk menyokong permohonan defendan pertama dan defendan kedua. Oleh itu mahkamah mempunyai budi bicara dalam rujukan kepada affidavit lampiran 17 tersebut.

I



**A** PENDAPAT MAHKAMAH

**[18]** Saya bersetuju dengan hujahan defendan pertama dan defendan kedua. Aturan 32 k 13(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah terpakai dan bukan k (1)(b). Dalam kes ini tidak ada prosiding terdahulu dibicarakan yang telah merujuk kepada lampiran 14 (permohonan untuk mengetepikan perintah injunksi).

**B**

**[19]** Sebenarnya pada 29 Mei 2014, lampiran 14 tidak dimulakan tetapi memandangkan perintah ex parte injunksi telah tamat tempoh, maka plaintif telah memohon perintah itu dilanjutkan sementara menunggu pendengaran interparte yang telah ditetapkan pada 9 Julai 2014. Defendan pertama dan defendan kedua membantah permohonan untuk lanjutan perintah tersebut atas alasan lanjutan tersebut tidak bermerit. Defendan pertama dan defendan kedua telah berhujah bahawa perintah ex parte yang dibuat itu pada mulanya tidak seharusnya dibenarkan oleh mahkamah kerana permohonan untuk ex parte injunksi plaintif adalah salah dan cacat dari segi undang-undang di bawah A 29(1)(2A)(c)(d) dan (e) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

**C****D****E**

**[20]** Mahkamah telah menerima bantahan defendan pertama dan defendan kedua dan memutuskan bahawa ternyata affidavit sokongan permohonan ex parte injunksi plaintif tidak mematuhi A 29 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 oleh itu permohonan untuk melanjutkan tempoh salah laku perintah ex parte injunksi ditolak dengan kos.

**F**

**[21]** Berdasarkan perkara itu tidak terdapat suatu prosiding terdahulu yang berkaitan dengan lampiran 14 dan affidavit lampiran 17 yang boleh disifatkan telah terikat dengan A 32 k 13(1)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang menghendaki defendan pertama dan defendan kedua memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat demikian dalam Borang 58.

**G**

**[22]** Pada pendapat saya, affidavit di lampiran 17 yang difailkan bersama-sama permohonan lampiran 13 dan 14 pada tarikh yang sama telah dengan jelas menyatakan di dalamnya pernyataan-pernyataan dan alasan-alasan defendan pertama dan defendan kedua untuk mengetepikan perintah ex parte injunksi dan juga untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif. Mahkamah boleh merujuk kepada affidavit lampiran 17 berkenaan bagi mengadili permohonan defendan pertama dan defendan kedua.

**H****I**

**[23]** Dalam kes *United Malayan Banking Corp Bhd v Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 1 MLJ 561, Mahkamah Rayuan memutuskan:

Our Federal Court in the case of *Tan Chwee Geok & Anor v Khaw Yen-Yen & anor* [1975] 2 MLJ 188 at p 189 said: **A**

The Rules of the Supreme Court are intended to facilitate, not to impede, the administration of civil justice.

And in the same case, Ali FJ, said (at p 192): **B**

The general principle, I think, is that rights of parties in an action are not to be defeated by technical objections.

*Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331, at p 342, ie: **C**

After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case ...

[24] Oleh yang demikian, bantahan awal plaintif adalah ditolak dan perbicaraan terhadap permohonan lampiran 13 dan 14 boleh diteruskan. **D**

[25] Memandangkan permohonan di lampiran 13 adalah permohonan plaintif untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan apa-apa keputusan sekali gus melupuskan tindakan plaintif, maka lampiran 13 akan didengar terlebih dahulu dan keputusan tersebut memberi kesan kepada lampiran 14. **E**

ATURAN 18 KAEDAH 19 KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012

*Alasan 1: Plaintif seorang sahaja tidak mempunyai hak untuk mengambil tindakan (no locus standi)* **F**

[26] Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa premis yang menjadi hal perkara dalam pernyataan tuntutan plaintif beralamat di PN 28774, Lot 65909 (dahulunya HSD 218442), Mukim Pekan Desa Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor at No 11, Jalan TMP 2A, Taman Mutiara Puchong, Selangor Darul Ehsan ('tanah tersebut') dikongsi milik oleh dua penama iaitu plaintif dan seorang lagi bernama Dr Pang Chu Yen dengan 1/2 bahagian yang setiap orang berhak ke atas tanah tersebut (perenggan 9 afidavit Ng dan eksh NSP1). **G**  
**H**

[27] Tanah tersebut tidak terbahagi. Memandangkan masing-masing memegang setiap 1/2 bahagian kepentingan di atas tanah tersebut iaitu plaintiff dan Dr Pang Chu Yen, maka plaintif secara sendiri tidak mempunyai locus untuk membawa tindakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua. **I**

[28] Defendan-defendan merujuk kepada *Re Wah Hai Hing; ex p Choong Wai*

- A *Wah & Anor* [1999] 5 MLJ 651 di mana secara analoginya notis kebangkrapan dibenarkan untuk dibuat oleh dua pemiutang penghakiman walaupun s 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967 menyatakan bahawa notis kebangkrapan boleh dibuat oleh seorang pemiutang penghakiman. Alasannya ialah kerana kepentingan tersebut adalah kepentingan bersama yang tidak dipecah bahagi.
- B ... Speaking of literal construction, *in the instant case, the applicants' registered interest in the land was undivided, to the very cent of it.* (Penekanan ditambah.)
- [29] Oleh itu semua pemilik berdaftar tanah tersebut hendaklah mengambil tindakan bersama.
- C
- [30] Selanjutnya, tindakan plaintif tidak bermula ('non-starter') kerana tiada di mana-mana dalam pernyataan tuntutan plaintif yang menyatakan bahawa plaintif telah mendapat kebenaran dari atau bertindak juga bagi pihak dan faedah Dr Pang Chu Yen. Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa tuntutan plaintif tidak boleh bertahan disebabkan plaintif tidak mempunyai hak atau locus untuk membawa tindakan ini. Tindakan plaintif ini bukanlah satu kelas tindakan di bawah A 15 k 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- D
- E
- [31] Dalam kes *Tong Tai Holdings Sdn Bhd v Jimi ak Mantali & Ors* [2003] 5 MLJ 450 di ms 454, mahkamah memutuskan:
- F *It is very clear, therefore, that besides fulfilling the three preconditions as stipulated in Duke of Bedford, the plaintiff in a representative action must state clearly in the summons and statement of claim that the action was taken up on behalf of themselves and on behalf of the others.*
- G It is not in dispute that the plaintiffs are one of the registered co-proprietors of the land. However, the main issue facing the court is the capacity of the plaintiffs in bringing this action. *Is this action filed by the plaintiffs on behalf of themselves and the other co-proprietors or just on behalf of the other co-proprietors?* To answer this question, one needs to look at the title in this originating summons. The plaintiffs herein are described as 'Tong Tai Holdings Sdn Bhd (in their representative capacity for the benefit of the other co-proprietors ...)'. *It was not indicated anywhere in this originating summons that the plaintiffs brought this action on behalf of themselves as well as on behalf of the other co-proprietors.* Thus, it is clear that the plaintiffs are not suing on behalf of themselves. The plaintiffs are not exercising their own right here. The plaintiffs are suing in their representative capacity, ie for the benefit of the other co-proprietors. In other words, the plaintiffs are merely acting on behalf of the other co-proprietors only. (Penekanan ditambah.)
- H
- I
- [32] Plaintif tidak pernah memplidkan bahawa tindakan yang diambil juga berdasarkan kepentingan Dr Pang Chu Yen. Plaintif sepatutnya menamakan Dr Pang Chu Yen sebagai plaintif bersama tetapi cuma memplidkan atas dasar 'penghuni bersama' dalam perenggan 10 pernyataan tuntutan plaintif.

[33] Plaintiff tidak memiliki tanah tersebut secara bersendirian. Dalam affidavit plaintiff juga tidak menyatakan tindakan dibawa bagi pihak pemilik yang satu lagi. Dalam kes *Tong Tai Holding Sdn Bhd v Jimi ak Mantali & Co*, mahkamah memutuskan (di ms 454):

*The affidavit of Mr Hoan Siew Choo @ Fan Siew Choo, the chairman of the plaintiffs, in support of this application, did not reveal either he or the plaintiffs had been duly appointed to commence this action, as a representative for and on behalf of all other registered co-proprietors (including the late Tan Sri Ong) (Penekanan ditambah.)*

[34] Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa sesuatu affidavit yang dibuat selepas tidak boleh memperbaiki pernyataan tuntutan. Dalam kes *United Malayan Banking Corporation Berhad v Palm & Vegetable Oils (M) Sdn Bhd* [1983] 1 MLJ 206 di ms 207 (FC):

*This omission is surprising, to say the least, and we cannot but observe that any defect or omission in the statement of claim cannot be made good by affidavit evidence.*

[35] Akhirnya defendan pertama dan defendan kedua merujuk kepada kes *Ikatan Kelab-Kelab Melayu Negeri Pulau Pinang (499-Penang) (suing through its President, Dato' Seri Hj Mohd Yussof Latiff) & Ors v Yayasan Bumiputra Pulau Pinang & Ors and another appeal* [2014] 1 MLJ 27 di ms 37 dan 38 (FC) yang menyatakan:

[35] On the facts and evidence available, the said properties were registered in the names of the third and ninth respondents which in turn are fully owned by the first respondent. Although, as argued by the appellant's counsel, that they may have a cause of action since the first respondent was formed to help the economic position of the Penang Malays whom he said would be the beneficiaries of the purpose of forming the first respondent, we agree as to what was said by the trial judge in para 23 of his grounds of judgment that *locus standi would be a necessary precondition before any party can bring the action. It is not disputed that there is no evidence to show that the appellants neither have a share nor became a trustee or director of the first, third or ninth respondents.*

[36] The same sentiments were echoed by the Court of Appeal in its broad grounds to the effect that it may well be that the appellants were suing the respondents for alleged breach(es) of trust, fiduciary duties, and so forth. *But the fundamental principles of company law cannot be disregarded ie the sine qua non for the appellants to bring the action against the respondents is that the appellants have to be members of the third or ninth respondents. In the absence of such membership, the Court of Appeal entirely agreed with the learned High Court judge that the appellants had no locus standi to sue the respondents and therefore the striking out made by the High Court was not wrong.* (Penekanan ditambah.)

[36] Atas alasan ini, defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa saman dan pernyataan plaintiff hendaklah dibatalkan oleh mahkamah.

**A** Jawapan plaintif

[37] Plaintif mengatakan bahawa kes *Re Wah Hai Hing; ex p Choong Wai Wah & Anor* [1999] 5 MLJ 651, tidak terpakai dalam keadaan kes ini.

**B** [38] Plaintif menghujahkan bahawa mana-mana pemilik tanah tersebut boleh mengambil apa-apa tindakan untuk mendapatkan perlindungan mahkamah terhadap harta bendanya. Walaupun Dr Pang Chu Yen didaftarkan sebagai pemilik bersama tetapi fakta tersebut tidak menyekat hak dan kepentingan plaintif untuk membawa tindakan ini terhadap defendan pertama dan defendan kedua.

**C**

**D** [39] Plaintif juga berhujah bahawa sehingga ini, defendan pertama dan defendan kedua tidak menafikan kerosakan yang dialami oleh plaintif dan ketidaknafian kerosakan bermakna bahawa defendan pertama dan defendan kedua telah menerima dan/atau mengakui tindakan mereka yang merosakkan harta plaintif dan/atau menyebabkan kerugian kepada plaintif. Defendan pertama dan defendan kedua tidak menafikan tindakan/perbuatan pencerobohan dan kacau ganggu yang diakibatkan oleh mereka ke atas hartanah plaintif.

**E** [40] Plaintif juga berhujah bahawa kes ini bukanlah suatu kes yang tidak boleh dipertahankan 'plain and obvious' bagi ianya dibatalkan.

**F** Pendapat mahkamah berkenaan alasan ini

**G** [41] Setelah meneliti saman dan pernyataan tuntutan plaintif di lampiran 2, saya mendapati hanya di perenggan 1, perkataan plaintif-plaintif digunakan manakala semua perenggan lain menggunakan perkataan plaintif. Walauapapun ternyata tuntutan ini hanya dibawa oleh seorang plaintif sahaja iaitu Yong Lai ling dan tidak bersama Dr Pang Chu Yen iaitu pemilik bersama premis tersebut.

**H** [42] Saya bersetuju dengan hujah defendan pertama dan defendan kedua bahawa plaintif juga dalam plidingnya tidak menyatakan bahawa Dr Pang Chu Yen telah memberi kebenaran atau tindakan ini dibawa bagi pihak beliau supaya tindakan ini boleh dikelaskan sebagai satu tindakan di bawah A 15 k 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

**I** [43] Kes *Re Wah Hai Hing; ex p Choong Wai Wah & Anor* [1999] 5 MLJ 651 yang dirujuk oleh defendan pertama dan defendan kedua pada pendapat saya mempunyai prinsip yang sama di mana dalam kes ini sekiranya premis tersebut dimiliki bersama oleh dua pemiliknya, maka pemilik-pemilik tersebut hendaklah menjadi plaintif-plaintif dalam tuntutan yang dikemukakan. Tanpa

Dr Pang Chu Yen hadir sebagai plaintif yang dinamakan, maka tuntutan ini telah dibawa tanpa pengetahuan Dr Pang Chu Yen. Mahkamah tidak boleh membuat spekulasi sama ada Dr Pang Chu Yen juga bersetuju dengan tuntutan yang dikemukakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua. A

[44] Berdasarkan hujah tersebut, saya bersetuju dengan defendan-defendan bahawa plaintif tidak mempunyai locus standi secara berseorangan untuk mengemukakan tindakan ini disebabkan kepentingan dalam premis berkenaan tidak dipecah bahagi dan dimiliki bersama oleh Dr Pang Chu Yen. B

*Alasan 2: Pernyataan tuntutan plaintif adalah 'prolix' dan memplidkan keterangan dan bukan fakta material seperti dikehendaki di bawah A 18 k 7(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012* C

[45] Defendan-defendan berhujah bahawa menjadi kehendak undang-undang semua pliding 'hendaklah' mengandungi hanya pernyataan ringkas fakta-fakta material yang mana pliding pihak bergantung kepada tuntutan atau pembelaan, tetapi bukan keterangan untuk membuktikan fakta-fakta dan pernyataan itu hendaklah ringkas mengikut keadaan kes itu yang membenarkan (rujuk A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012). D E

[46] Walau bagaimanapun dalam kes ini, pernyataan tuntutan plaintif adalah terlalu panjang (prolix) mengandungi 27 muka surat dan 84 perenggan. Jika dibaca pernyataan tuntutan plaintif secara keseluruhan, defendan pertama dan defendan kedua mengatakan bahawa ianya satu penyalahgunaan proses mahkamah, antara lain: F

- (a) ianya sengaja dibiarkan panjang dan berbelit-belit ('deliberately prolix');
- (b) ianya secara terang tidak ringkas dan tidak mematuhi A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; G
- (c) ianya secara sengaja memplidkan keterangan dan bukan fakta material yang untuk membentuk kausa tindakan;
- (d) 'ianya begitu panjang dan mengelirukan dan memenatkan dan/atau memprejudiskan defendan-defendan apabila mengambil masa yang lama untuk membaca dan memahami pliding yang penuh dengan keterangan yang sepatutnya tidak perlu dipertimbangkan atau dijawab pada peringkat ini'; dan H
- (e) pliding plaintif juga adalah memalukan dan menekan ('embarrassing and oppressive in nature'). I

[47] Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa mereka telah diprejudiskan dan mengalami tekanan oleh pernyataan tuntutan tersebut yang

A lebih merupakan aduan plaintif yang panjang lebar dan keterangan-keterangan diplidkan bertentangan dengan kehendak A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

B [48] Selanjutnya diujahkan bahawa pernyataan tuntutan seperti itu membuang masa mahkamah dan kos. Mahkamah bukanlah tempat untuk mengasing sampah sarap dan bukan ditugaskan untuk membuat pilihan daripada pernyataan tuntutan plaintif tersebut ('the court is not a filter of debris and duty-foisted to pick and choose from the plaintiff's statement of claim').

C [49] Dalam kes *See Hua Realty Bhd v See Hua News Holding Sdn Bhd & Ors* [2007] 7 MLJ 525 di ms 536, ianya mengatakan:

D [7] The petition in this case is drafted in a manner that runs to 72 pages. *This petition is, as if an entire set of complaints, whether or not they fall within the purview of s 181, have all been hurled into the court with the duty foisted on the court to pick and choose to allow the petition. The court is not a filter of debris (see Watson v Rodell 3 Ch D 380). Where a petition is nothing more than a jangled mass of complaints all lumped together over which the court is unable to make any finding at all, of either oppression or undue prejudice, because the petition is nothing more than an exercise in prolixity, then it must fall. It has long been held that where the cause papers are so framed as to be too prolix, where they disclose immaterial facts, and set out at great length documents which could not be material to the issues at hand, such as to embarrass the opposite party (see Cashin v Cradock 3 Ch D 376), such pleadings are liable to be, and have, on occasions, been struck out (see Davy v Garret (1877) 7 Ch D 473).* (Penekanan ditambah.)

E [50] Defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa plaintif telah melakukan satu pelanggaran prosedur yang tidak boleh diperbetulkan. Aturan 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 menggunakan perkataan 'shall' oleh itu adalah mandatori.

F [51] Atas alasan ini juga defendan pertama dan defendan kedua berhujah bahawa tuntutan plaintif patut dibatalkan *in limine*.

G Jawapan plaintif

H [52] Plaintif berhujah bahawa tindakan plaintif terhadap defendan pertama dan defendan kedua adalah berdasarkan, antara lain, kepada perbuatan/tindakan pencerobohan dan kacau ganggu oleh defendan pertama dan defendan kedua.

I [53] Plaintif juga mengatakan bahawa pliding plantif mendedahkan suatu cara tindakan yang patut diputuskan oleh mahkamah yang mulia ini dan

permohonan defendan pertama dan defendan kedua di bawah A 18 k 19(1)(a) (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 harus ditolak dengan kos. A

Pendapat mahkamah mengenai alasan ini

[54] Setelah meneliti keseluruhan pernyataan tuntutan plaintif mengandungi 27 muka surat dan 84 perenggan dan membacanya, saya dapati bukan sahaja ianya terlalu panjang berjela-jela, memenatkan apabila membaca, ianya penuh dengan pliding keterangan dan/atau cerita-cerita di dalam pliding tersebut seolah-olah suatu aduan panjang lebar yang dikemukakan di mahkamah. Agak sukar untuk menentukan apakah kausa tindakan sebenar yang dibawa oleh plaintif terhadap defendan-defendan dan pliding plaintif yang panjang lebar tersebut telah memalukan serta memprejudiskan defendan pertama dan defendan kedua. B  
C

[55] Kes *See Hua Realty Bhd v See Hua News Holding Sdn Bhd & Ors* [2007] 7 MLJ 525 di ms 536 pada pandangan saya adalah terpakai dalam keadaan fakta kes ini antara lain mengatakan — ‘The court is not a filter of debris’. D

[56] Saya bersetuju dengan hujah defendan pertama dan defendan kedua bahawa di bawah A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hanya fakta material secara ringkas hendaklah diplidkan. E

[57] Peruntukan di bawah A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah mandatori (‘shall’) di mana kegagalan mematuhi akan menyebabkan tuntutan plaintif boleh dibatalkan. F

[58] Dalam kes *Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong* [1996] 3 MLJ 85 di ms 93 (MR) ianya mengatakan: G

We equate the meaning of the word ‘must’ as that given to the word ‘shall’, and for that reason the choice of the word ‘must’ in the rule does not create the existence of any discretion or empowers the court to exercise such a discretion.

[59] Kes *Low Cheng Soon v TA Securities Sdn Bhd* [2003] 1 MLJ 389 di ms 394 (MR) pula mengatakan: H

There is no doubt in our minds and we agree with learned counsel for the respondent that this rule is mandatory. There are abundant authorities decided in our courts to suggest that the word ‘shall’ when used in any legislation means ‘obligatory’. However, we do not propose to cite these authorities. Suffice it for us to say that the word ‘shall’ used in r 18(4)(c) of the Rules reflects a measure of mandatoriness in it. As this is a mandatory rule, it must therefore be strictly adhered to. I



A [60] Apabila suatu aturan wajib dipatuhi telah tidak dipatuhi maka ianya tidak boleh dibaiki di bawah A 1A atau A 2 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Dalam kes *Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah Bin Mohd Noor and another appeal* [2009] 4 MLJ 149 di ms 163 dan 164, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

C [46] The technical non-compliance of any rule may be remedied where there is an accidental omission or oversight by a party. *A general provision such as O 1A of the RHC is for the court or judge to give heed to justice over technical non-compliance. It must not supersede a mandatory requirement of the Rules. Order 1A cannot be invoked when a party intentionally disregards in complying with the Rules. Otherwise, parties would be encouraged to ignore the Rules.* Thus in this case, O 1A of the RHC does not apply as the respondents had intentionally disregarded O 6 r 7(2A) for their own reasons.

D ...

E [50] *As I had mentioned in court, if O 1A is sought to be invoked whenever a party fails to comply with any provision of the rules, then the whole of the Rules of the High Court 1980 would be rendered useless.* For example, can failure to enter appearance or file defence within the specified period be considered as an irregularity? Of course it cannot be. A party who is late in filing the relevant papers must obtain an order from the court to extend the time, if such extension is required and is permitted by the RHC. Therefore, the answer to question two is in the negative.

F [61] Prinsip yang sama juga terdapat dalam kes *Balakerisnan all Varathan & Anor v Muniandy all Varathan & Anor* [2005] 5 MLJ 380 di ms 391 :

G 57 In this context, I must remark here that since the introduction of O 1A and O 2 r3 it has come to my observation that some litigants have the tendency to regard these provisions as a licence to ignore or to treat lightly rules of procedure. This being the case, *it is imperative that the court treads cautiously before excusing any non-compliance by invoking these provisions; otherwise, these provisions might be abused. In my view, the purpose behind the introduction of O 1A and O 2 r 3 is not to protect the indolent or cavalier litigants, but to afford protection to the ordinary rule-abiding litigants in a situation where the non-compliance is due to mere genuine inadvertence or oversight (and not blatant disregard) and non-prejudicial in nature; or where the non-compliance is not serious or fundamental in nature.* The court has the solemn duty to ensure respect for the rules of procedure as enshrined in the Rules of the High Court. In the present case, in the light of the fundamental nature of the defects in the affidavit, in my judgment, it would be highly prejudicial and a gross injustice to the defendants if the plaintiffs' affidavit at encl 32 is allowed to stand. For, then, the court would be bending extensively the rules of procedure just to accommodate a litigant that has treated the rules of procedure with gross carelessness. (Penekanan ditambah.)

## KEPUTUSAN MAHKAMAH

[62] Dalam kes *Pengiran Othman Shah bin Pengiran Mohd Yusoff & Anor v Karambunai Resorts Sdn Bhd (formerly known as Lipkland (Sabah) Sdn Bhd) & Ors* [1961] 1 MLJ 209 di ms 330 bahawa:

The discretionary power to dismiss an action summarily under O18 r19 of the RHC (now O 18 r 19 of the Rules of Court 2012) and under the inherent jurisdiction of the court is a drastic power which should only be exercised in plain and obvious cases. When a case is argued on the affidavit evidence available, it must become plain and obvious that the case has no chance of success.

[63] Kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, di mana Mahkamah Agung (ketika dikenali) memutuskan berikut:

- (1) Prinsip-prinsip atas mana mahkamah bertindak mengamalkan kuasanya di bawah mana-mana empat bahagian A 18 k 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (pada kini dikenali Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) adalah tertapak dengan kukuhnya. Hanya dalam kes-kes biasa dan nyata sahaja yang proses terus boleh digunakan di bawah kaedah ini. Prosedur terus ini hanya boleh diterimapakai apabila jelas kelihatan bahawa sesuatu tuntutan atau jawapan yang berada di hadapan kes itu adalah jelas tidak boleh dibenarkan.
- (2) Selagi plidingnya mendedahkan suatu cara tindakan atau membangkitkan soalan-soalan yang patut diputuskan oleh hakim, kenyataan bahawa kes tersebut adalah lemah dan tidak akan berjaya diperbicaraannya *bukan merupakan satu alasan untuk membatalkan plidingnya* (Penekanan ditambah.)

[64] Dalam kes ini, plaintif mengatakan bahawa pliding plaintif telah mendedahkan suatu kuasa tindakan, iaitu, pencerobohan dan kacau ganggu oleh defendan pertama dan kedua yang menyebabkan atau mengakibatkan kerosakan kepada harta plaintif. Oleh itu bukanlah suatu perkara yang 'obvious and unsustainable'.

[65] Dalam permohonan ini defendan pertama dan defendan kedua memohon mahkamah membatalkan tuntutan plaintif bukan setakat ianya dikatakan tidak mempunyai kausa tindakan tetapi tuntutan plaintif adalah juga berdasarkan A 18 k 19(1)j(b) atau (c) atau (d) iaitu remeh, mengabaikan atau adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[66] Dalam permohonan defendan pertama dan defendan kedua, alasan-alasan yang dikemukakan pada pandangan saya adalah bermerit dan tindakan plaintif yang memfailkan pernyataan tuntutan tanpa menamakan Dr Pang Chu Yen sebagai pemilik bersama bahagian yang tidak dipecah bahagi

A terhadap premis tersebut dan bertindak berseorangan dalam membawa tindakan ini menyebabkan plaintif tidak mempunyai locus standi atau hak untuk meneruskan tindakan.

B [67] Saya juga berpendapat daripada pembacaan pliding dalam pernyataan tuntutan plaintif, pliding plaintif adalah panjang lebar, berjela-jela sebanyak 27 muka surat dan 84 perenggan tidak memplidkan fakta material sebaliknya penuh dengan keterangan dan aduan adalah tidak menepati kehendak A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Peruntukkan dalam A 18 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah mandatori dan harus dipatuhi.

C [68] Berdasarkan alasan-alasan di atas dan berdasarkan autoriti-autoriti yang dikemukakan, mahkamah ini berpendapat pernyataan tuntutan plaintif adalah remeh, mengaibkan atau adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

D [69] Secara keseluruhannya daripada pliding plaintif-plaintif yang difailkan ini jelas bahawa tuntutan plaintif-plaintif tidak dapat dipertahankan 'obviously unsustainable'.

E [70] Dengan itu, permohonan defendan pertama dan defendan kedua adalah dibenarkan dan saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan dengan kos sebanyak RM5,000.

F [71] Berdasarkan kepada keputusan di atas, maka saya juga memutuskan bahawa lampiran 14 juga dibenarkan di mana perintah ex parte injunksi bertarikh 9 Mei 2014 diketepikan dengan kos sebanyak RM1,000.

*Permohonan defendan pertama dan kedua dibenarkan dengan kos.*

G Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum

H

I